



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN, JERANTUT FERI SIAP SERATUS PERATUS

Pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI Jabatan Wilayah Persekutuan 2025 di Kampung Jerantut Feri telah berjaya disempurnakan sepenuhnya apabila semua kerja-kerja penaiktarafan kampung di bawah program berkenaan mencapai tahap siap 100 peratus, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan yang inklusif, berimpak tinggi dan berfokuskan kesejahteraan rakyat sejajar dengan pendekatan Whole of Government (WoG) yang mengutamakan penyampaian berkesan di peringkat akar umbi.

YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), menyerahkan Program Kampung Angkat MADANI yang bertempat di Dewan Serbaguna, Kampung Jerantut Feri kepada komuniti Jerantut Feri. Ini susulan daripada pelaksanaan sepenuhnya kerja-kerja penaiktarafan kampung dan projek fizikal Kampung Angkat MADANI JWP di Kampung Jerantut Feri.

Keseluruhan peruntukan berjumlah RM1 juta yang telah disalurkan bagi ke semua projek fizikal merangkumi naik taraf balai raya, dewan, tandas awam, gelanggang futsal, padang bola dan trek riadah, pembinaan pondok dan balai komuniti, pembaikan jalan kampung, penyelenggaraan fasiliti sekolah serta pemasangan lampu solar di beberapa lokasi strategik termasuk Simpang Kampung Paya Gunung. Ianya khusus bagi meningkatkan kualiti hidup kira-kira 4,000 penduduk Kampung Jerantut Feri.

Selain pembangunan infrastruktur, pelaksanaan Kampung Angkat MADANI JWP di Kampung Jerantut Feri turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti dan pemeraksanaan sosial selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI yang menekankan kemampanan, kesejahteraan dan ihsan. Antara program yang telah dilaksanakan termasuk Program Temu Mesra Kampung Angkat MADANI, Program Jom Imarsh@ Masjid Jerantut Feri, bengkel fotografi dan media sosial, kelas asas pertanian serta beberapa siri gotong-royong melibatkan Program Pengindahan Kawasan Sungai Pahang Siri 1 dan Siri 2 serta Program Gotong-Royong Masyarakat Pasar Klasik yang berteraskan ekonomi dan budaya setempat.

Kejayaan pelaksanaan Kampung Angkat MADANI JWP : Kampung Jerantut Feri juga membuktikan bahawa pembangunan desa yang dirancang secara menyeluruh dan dilaksanakan melalui kerjasama erat antara agensi kerajaan, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), institusi masjid, sekolah serta penduduk setempat mampu memberi impak yang berpanjangan. Pemilihan Kampung Jerantut Feri sebagai salah satu daripada 200 kampung terpilih di seluruh negara bagi pelaksanaan Kampung Angkat MADANI

2025 turut memperkukuh kesinambungan Program Santuni MADANI yang telah dilaksanakan oleh JWP di kampung sama pada tahun 2024. JWP berharap kejayaan ini dapat menjadikan Kampung Jerantut Feri sebagai model Kampung Angkat MADANI, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat, pengukuhan perpaduan komuniti, pengurangan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta pengukuhan kefahaman rakyat terhadap peranan kerajaan di peringkat akar umbi.

Disediakan oleh:
Jabatan Wilayah Persekutuan
15 Januari 2026

